



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

TEKS UCAPAN

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL
 PENGGUNA**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN PENJENAMAAN BARU PASARAYA
LOTUS'S MALAYSIA**

**PADA
10 MAC 2022 (KHAMIS)**

**TEMPAT
PASARAYA LOTUS'S AMPANG**

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

**YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad
Ketua Setiausaha,
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal
Pengguna**

**YBhg. Datuk Roziah binti Abudin
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Perdagangan
Dalam Negeri)
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal
Pengguna**

**Yang Berusaha Encik Kenneth Chua
Presiden,
Lotus's Malaysia**

**Yang Berusaha Tuan Muhamad Zikril Azan bin Abdullah
Pengarah,
KPDNHEP Negeri Selangor**

**Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Perdagangan Dalam
Negeri dan Hal Ehwal Pengguna**

Pihak Pengurusan Lotus's Malaysia

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

PENDAHULUAN

1. Pertamanya, saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak pengurusan Lotus's Malaysia kerana sudi menjemput saya ke **Majlis Pelancaran Penjenamaan Baru Pasaraya Lotus's Malaysia** yang sangat bermakna pada hari ini. Saya turut mengucapkan tahniah kepada seluruh warga kerja Lotus's Malaysia diatas kejayaan satu lagi tanda aras kepada sektor peruncitan di negara ini.
2. Lotus's Malaysia sebelum ini dikenali sebagai Tesco Malaysia setelah pengurusan pasaraya tersebut di Malaysia diambil alih oleh C.P. Retail Development Company Limited melalui pengambilalihan yang bernilai hampir **USD 10.6 billion** pada tahun 2020.
3. Susulan daripada pengambil alihan tersebut, Tesco Stores Malaysia telah dijenama semula kepada **Lotus's Stores Malaysia** pada **15 Februari 2021**. Lotus's Malaysia kini merupakan antara pemain utama dalam sektor peruncitan negara dengan 64 cawangan diseluruh Malaysia.
4. Saya berharap peralihan jenama ini akan membawa lebih banyak manfaat kepada pengguna khususnya di samping

dapat terus menyumbang terhadap pembangunan ekonomi negara.

Hadirin yang saya hormati sekelian,

5. Seperti yang kita sedia maklum, sumbangan sektor borong dan runcit adalah sangat signifikan kepada pemulihian negara. Pada tahun 2020, sektor ini juga telah menyumbangkan kepada 17% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) serta menjana 2 juta peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia.
6. Syarikat peruncitan berskala besar dengan cawangan-cawangan yang moden diseluruh negara seperti Lotus's bukan hanya menyediakan barang keperluan harian yang berkualiti, selamat dan harga yang berpatutan tetapi juga menyediakan peluang pekerjaan dan peluang perniagaan untuk masyarakat setempat.
7. Saya dimaklumkan bahawa pada masa kini operasi Lotus's dikendalikan oleh lebih 9,000 orang pekerja tempatan dan jumlah ini dijangka akan terus meningkat dengan pembukaan lebih banyak cawangan-cawangan yang baru.

8. Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, Sektor Perdagangan dan Pengedaran telah merekodkan **jualan tahunan berjumlah RM1.3 trilion** iaitu **pertumbuhan sebanyak 4%** pada tahun 2021 berbanding tahun sebelumnya. Daripada jumlah tersebut **sub-sektor peruncitan** telah mencatatkan **pertumbuhan jualan sebanyak 3.5%** kepada **RM48.5 bilion**.
9. Justeru itu bagi merancakkan lagi pertumbuhan sektor ini, kerajaan melalui Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) telah menggariskan dasar-dasar untuk menggalakkan aktiviti ekonomi yang bernilai tambah dan berkemahiran tinggi serta dipacu oleh teknologi termaju.
10. Salah satu inisiatif yang akan dilaksanakan oleh kerajaan ialah Program Penggalakan Sektor Peruncitan Berskala Besar untuk melabur dalam teknologi baru dan digitalisasi bertujuan bagi meningkatkan lagi nilai tambah dan kecekapan sektor ini.
11. Justeru itu, saya amat tertarik dengan pelaburan berterusan yang telah pun dilaksanakan oleh pihak Lotus's Malaysia contohnya seperti sistem pembelian atas talian *Scan and Shop* dan sistem automasi *Self-Checkout* untuk memperkenalkan teknologi baru dan transformasi digital

dalam sektor peruncitan di Malaysia. Perkembangan ini turut memberi keselesaan dan pengalaman membeli-belah yang lebih baik bagi pengguna. Syabas saya ucapkan kepada Lotus's Malaysia.

Hadirin yang saya hormati sekelian,

12. Selain itu, sebagai pengantara di antara pengeluar dan pengguna, pasaraya Lotus's juga berfungsi membuka peluang pemasaran produk kepada syarikat-syarikat tempatan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Lotus's kerana sentiasa berusaha membuka ruang kepada pembekal-pembekal tempatan dan saya berharap usaha-usaha seperti ini akan terus diperkasakan di kalangan syarikat-syarikat Bumiputera tempatan.
13. Bagi pihak KPDNHEP saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Lotus's Malaysia kerana sentiasa memberikan kerjasama yang konsisten dalam menyokong pelbagai inisiatif yang dilaksanakan seperti inisiatif Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di seluruh negara untuk sama-sama membantu masyarakat dalam mengawal kos sara hidup.

14. Selain daripada PJKM, Lotus's Malaysia juga menyahut hasrat kerajaan untuk memperkuuhkan perbelanjaan domestik. Perkara ini dapat dilihat melalui penyertaan Lotus's dalam Kempen Beli Barang Buatan Malaysia (KBBM) bagi menggalakkan pengguna membeli barang keluaran syarikat tempatan.
15. Dari segi melaksanakan tanggungjawab sosial pula, Lotus's Malaysia juga adalah merupakan rakan strategik Program Food Bank Malaysia yang secara konsisten telah menyumbangkan lebihan makanan kepada golongan yang memerlukan melalui food bank. Ini merupakan satu inisiatif yang digerakkan oleh KPDNHEP untuk membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat dan secara tidak langsung mengurangkan pembaziran makanan ke pusat pelupusan.
16. Semua kerjasama ini adalah salah satu contoh bagaimana semua pihak mengembang bahu mengharungi cabaran ekonomi pada masa kini. Kerjasama diantara kementerian dan Lotus's Malaysia ini adalah cukup bermakna dan adalah diharapkan sokongan seperti ini akan sentiasa berterusan di masa yang akan datang

17. Sebagai menyatakan penghargaan kementerian, Lotus's Malaysia juga telah diktiraf sebagai Pasaraya Asing Terbaik dan Kedai Harga Patut di Majlis Anugerah Perdagangan Dalam Negeri 2020 yang julung kalinya diadakan baru-baru ini. Tahniah dan syabas kepada Lotus's Malaysia.
18. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada seluruh warga kerja Lotus's Malaysia sempena penjenamaan baru ini dan berharap agar semua kerjasama erat yang terjalin dengan KPDNHEP akan terus diperkuuhkan pada masa akan datang.
19. Dengan sukacitanya saya merasmikan **MAJLIS PELANCARAN PENJENAMAAN BARU PASARAYA LOTUS'S MALAYSIA** pada tengahari ini

Sekian.

Disediakan oleh:

Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan